

**PENGAPLIKASIAN UNSUR KONTEKS BUDAYA
TEMPATAN DALAM PEMBELAJARAN
WACANA ARAB**

Mohd Zuhir Bin Abd Rahman & Mohd Azidan Bin Abdul Jabar

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur konteks budaya tempatan yang boleh diaplikasikan dalam pembelajaran wacana Arab. Unsur konteks budaya tempatan mempunyai peranan dan perkaitan yang signifikan dalam penguasaan bahasa Arab oleh pelajar Malaysia, khususnya dalam konteks pembelajaran wacana Arab di Malaysia. Pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini. Sebanyak 20 teks yang dikeluarkan daripada buku teks Bahasa Arab Tingkatan Tiga (KBSM) telah digunakan dalam analisis kandungan kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 35 unsur konteks budaya tempatan telah dikenal pasti dalam pembelajaran wacana Arab, iaitu jenis makanan (62.9%), masyarakat majmuk (28.6%), sambutan perayaan (5.7%), dan cerita warisan (2.8%).

Kata Kunci: Konteks budaya, budaya tempatan, wacana Arab, penguasaan bahasa Arab.

**APPLICATION OF ELEMENTS
OF LOCAL CULTURAL CONTEXT
IN LEARNING ARABIC DISCOURSE**

ABSTRACT

This study aims to identify and analyze the elements of local cultural context that could be applied in the learning of Arabic discourse. Elements of local cultural context have a significant role and relation in the mastery of Arabic language for Malaysian students, especially in the context of Arabic discourse learning in Malaysia. A qualitative approach using content analysis method was applied in this study. A total of 20 text that were extracted from Form Three Arabic Language

(KBSM) textbook have been used in content analysis of this study. The results showed that as many as 35 elements of local culture context have been identified in the learning text of Arabic discourse, which are the type of food (62.9%), the multi-racial society (28.6%), the festive celebration (5.7%), and the legacy story (2.8%).

Keywords: *cultural context, local context, Arabic discourse, mastery of Arabic language.*

PENDAHULUAN

Konteks budaya merupakan unsur budaya tempatan masyarakat Malaysia yang diamalkan oleh pelbagai bangsa dalam konteks masyarakat majmuk dan budaya Islam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu di Malaysia. Konteks persekitaran masyarakat majmuk di Malaysia merupakan aspek penting dalam konteks hubungan sosial antara penduduk Malaysia yang berbilang bangsa dan bersilang budaya demi mewujudkan perpaduan dan integrasi bangsa dalam kalangan penduduk Malaysia.

Secara dasarnya, budaya bermaksud amalan atau corak kehidupan manusia dalam sesebuah masyarakat yang sentiasa hidup dan berkembang. Kamus Dewan (2005, p.180) mendefinisikan budaya sebagai tamadun, peradaban, kemajuan fikiran, dan akal budi. Manakala istilah “kebudayaan” pula ditakrifkan sebagai corak kehidupan sesuatu masyarakat yang merujuk kepada keseluruhan cara hidup manusia, cara bertindak, berkelakuan, berfikir dalam semua bidang melibatkan akal budi dan daya usaha mereka serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat.

Unsur budaya yang wujud dalam sesebuah masyarakat mempunyai pertalian yang rapat dengan penghasilan dan perkembangan sesuatu bahasa. Bahasa Melayu misalnya mempunyai pertalian yang rapat dengan kebudayaan Melayu dan kedua-dua perkara ini tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Pernyataan ini disokong oleh pandangan daripada Raja Mukhtaruddin (1989:484), bahawa penggunaan “bahasa jiwa bangsa” memperlihatkan betapa eratnya hubungan antara bahasa dengan budaya atau dengan peradaban masyarakat Melayu. Kedua-dua

konteks bahasa dan budaya mempunyai hubungan yang erat antara satu sama lain dalam konteks bahasa yang digunakan oleh sesebuah masyarakat.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu, konteks budaya tempatan mempunyai kepentingan yang besar kerana ia mengandungi warisan budaya tempatan yang boleh diaplikasi dalam pembelajaran bahasa Arab. Warisan itu meliputi aspek keagamaan, adat, budaya, peraturan, dan sebagainya. Menurut Wan Muhammad dan Ab. Halim (2005:69) cerita tradisi rakyat yang sudah masyhur dalam kalangan masyarakat Melayu amat sesuai digunakan sebagai bahan pembelajaran untuk memudahkan pengajaran bahasa Arab. Ini adalah kerana, cerita tersebut merupakan pengalaman sedia ada yang mempunyai unsur konteks tempatan sudah menjadi kebiasaan serta sehati dalam sanubari dan jiwa masyarakat Melayu. Di samping itu, kebanyakan cerita rakyat ini merupakan kesinambungan budaya masa lalu dengan budaya masa kini yang merupakan karya warisan silam masyarakat Melayu yang tidak ternilai harganya. Karya tersebut merupakan karya kreatif intelektual bangsa Melayu masa lalu dan menjadi bahan yang digunakan dalam budaya hidup mereka.

Secara tidak langsung konteks budaya juga menggambarkan kepada kita hubungan budaya tempatan yang boleh dijadikan bahan pembelajaran wacana Arab dalam konteks budaya tempatan. Kepentingan konteks budaya tempatan boleh dikaitkan dengan pengalaman sedia ada dan persekitaran pelajar yang merupakan elemen penting yang patut diambil kira semasa proses penggubalan kurikulum bahasa Arab. Pengalaman sedia ada dan persekitaran pelajar yang dimaksudkan itu cukup berfaedah untuk dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembelajaran wacana Arab kepada pelajar tempatan. Selain itu, konteks budaya juga merupakan rangkaian pengalaman serta amalan yang dilalui oleh pelajar dalam kehidupan seharian yang perlu diberi perhatian dalam kajian kebahasaan.

Oleh yang demikian, pembelajaran bahasa Arab di Malaysia perlu melihat kepada pendekatan dan teknik pembelajaran yang mengambil kira unsur budaya dan sosial yang terdapat dalam lingkungan persekitaran pembelajaran dan kehidupan pelajar. Hal ini demikian kerana aspek budaya mempengaruhi penguasaan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang dikaitkan dengan konteks situasi tempatan. Unsur pengaruh konteks budaya yang difokuskan dalam penyelidikan ini adalah terdiri daripada empat (4) aspek, iaitu; (i) jenis

makanan, (ii) masyarakat majmuk, (iii) sambutan perayaan, dan (iv) cerita warisan dalam konteks budaya masyarakat majmuk di Malaysia. Pemilihan empat aspek ini dilakukan kerana ia merupakan aspek budaya yang paling banyak diterapkan dalam kandungan buku teks. Masyarakat majmuk terhasil melalui penyatuan budaya dan sosial di antara bangsa Melayu, Cina, dan India dalam konteks negara Malaysia. Kewujudan konsep masyarakat majmuk ini telah melahirkan masyarakat Malaysia berbilang bangsa dan bersilang budaya yang hidup dalam suasana aman, damai, dan harmoni. Masyarakat majmuk menurut *A Dictionary of Sociology* (1998), ditafsirkan sebagai beberapa buah masyarakat yang dibahagikan kepada berbagai bahasa, etnik, agama, budaya dan bangsa, manakala konsep masyarakat majmuk menurut Furnivall (1948), berdasarkan kepada kajian yang beliau telah dijalankan di Indonesia dan Burma menjelaskan bahawa masyarakat majmuk terdiri daripada pelbagai kaum yang mempunyai kebudayaan, agama, bahasa, dan adat resam yang tersendiri (Zulhildi, 2003:51).

Justeru, kajian yang dijalankan terhadap pengaplikasian budaya tempatan adalah bertujuan untuk mengenal pasti unsur konteks budaya tempatan yang diaplikasikan dalam teks pembelajaran wacana Arab. Kajian ini juga turut menganalisis dan mengkategorikan unsur konteks budaya tempatan yang diaplikasikan menerusi teks pembelajaran Arab.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sememangnya tidak dinafikan tentang wujud permasalahan dan kesukaran dalam menguasai bahasa Arab. Hakikat ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Wan Muhammad dan Ab. Halim (2005:72), bahawa “Pelajar biasanya menghadapi banyak masalah untuk menguasai bahasa Asing. Ia bukan sahaja berkaitan dengan bahasa tersebut secara langsung dari aspek sintaksis, morfologi, fonetik atau struktur ayat. Namun ia berkait juga dengan persoalan dalaman pelajar seperti proses mengingat, menghafal, lupa dan sebagainya”. Dalam konteks pembelajaran dan pemerolehan bahasa, aspek pengaruh dan situasi budaya persekitaran memainkan peranan yang penting kerana budaya mempunyai hubungan yang erat dengan sesuatu bahasa yang wujud dipersekitarannya. Hakikat ini disandarkan kepada pernyataan Mohamad Rushdan (2012:1), bahawa dengan berpaksikan kepada pengaruh sosial yang kuat dan dibantu oleh proses mental yang berterusan, maka tahap penguasaan bahasa oleh seseorang itu akan menjadi lebih kukuh dan sempurna. Berdasarkan kepada keterangan

dan penjelasan yang diberikan dapatlah disimpulkan bahawa konteks budaya tempatan mempunyai peranan yang amat penting terutama dalam pembelajaran wacana Arab. Ini adalah kerana unsur konteks budaya tempatan dapat membantu seseorang memahami sesuatu bahasa dan penggunaannya secara praktikal yang dikaitkan dengan fitrah alam dalam situasi sebenar khususnya pembelajaran bahasa Arab di Malaysia dalam konteks latar tempatan. Bagi Halliday (1978) beliau telah memperjuangkan teori wacana yang dipelopori oleh J.R. Firth (1951) menyatakan bahawa sifat dan struktur bahasa mempunyai hubungan dengan fungsi bahasa dan fungsi itu ada kaitannya dengan kebudayaan dan alam bahasa itu sendiri. Oleh itu, struktur sesuatu bahasa mestilah mengambil kira kegunaan bahasa itu dalam masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang memfokuskan kepada unsur budaya tempatan yang terdiri daripada masyarakat majmuk, jenis makanan, sambutan perayaan, dan cerita warisan yang terdapat dalam teks pembelajaran bahasa Arab. Manakala kaedah analisis kandungan juga digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis teks bertujuan mengenal pasti unsur konteks budaya tempatan dalam teks pembelajaran. Data kajian diambil daripada Buku Teks Bahasa Arab Tingkatan Tiga (BTBA T3) KBSM yang kini diguna pakai di sekolah menengah seluruh negara. Sebanyak 20 teks pembelajaran yang terdiri daripada teks bacaan utama dan teks bacaan luas telah dijadikan data kajian. Bagi tujuan memudahkan proses penganalisan data, teks pembelajaran tersebut diberikan kod [TPA] yang merujuk kepada “Teks Pembelajaran Arab”.

ANALISIS KONTEKS BUDAYA

Pengaruh konteks budaya dalam penyelidikan ini adalah unsur budaya, adat, dan amalan-amalan yang wujud dan diamalkan dalam masyarakat Malaysia. Konteks budaya yang difokuskan dalam penyelidikan ini merupakan pengaruh budaya dan adat-adat yang diamalkan oleh masyarakat majmuk yang terdapat di Malaysia merangkumi tiga kaum terbesar, iaitu kaum Melayu, Cina, dan India.

Unsur pengaruh konteks budaya yang difokuskan dalam penyelidikan ini adalah terdiri daripada masyarakat majmuk, jenis pakaian, jenis makanan, dan sambutan perayaan. Unsur konteks budaya ini merupakan budaya, amalan, dan adat-adat yang diamalkan dalam

kehidupan masyarakat Malaysia dan juga yang diwarisi daripada generasi terdahulu sejak turun temurun. Dalam menganalisis unsur pengaruh konteks budaya dalam teks pembelajaran wacana Arab, penyelidik bersandarkan kepada prinsip budaya tempatan yang telah dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (2005) yang mengklasifikasikan budaya kepada tiga kategori yang berikut:

- i. Kategori pertama, pengertian budaya bermaksud unsur-unsur yang diwarisi secara sosial dalam kehidupan manusia, baik dalam bentuk material mahupun spiritual, dan mempunyai titik permulaannya dengan kewujudan kumpulan manusia. Justeru, hakikat ini bermakna bahawa golongan manusia yang wujud dan secara amnya dianggap ‘primitif’ juga mempunyai budaya, kerana mereka juga mempunyai corak kehidupan sosial dan tradisi kehidupan material dan spiritual;
- ii. Kategori kedua, pengertian budaya bermaksud membawa tradisi turun-temurun yang mampu mewujudkan satu taraf yang ideal bagi anggota masyarakat dalam usaha mencapai kecemerlangan dan kecanggihan dalam tingkah laku dan cara hidup mereka; dan
- iii. Kategori ketiga, pengertian budaya membawa maksud sikap dan pandangan hidup serta unsur-unsur peradaban, dan semuanya ini memberikan satu tempat yang khusus kepada masyarakat manusia di dunia ini. Dalam pengertian ini, tumpuan dan penekanan diberikan kepada aspek sikap, pandangan dan matlamat hidup, unsur-unsur dalam kehidupan yang menjadi kepercayaan masyarakat, dan bagaimana semuanya berfungsi dan memberikan makna dalam kehidupan setiap anggota masyarakat.

Pengaruh konteks budaya dalam penyelidikan ini adalah dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pengaruh budaya majmuk dan budaya Islam yang wujud dan diamalkan dalam masyarakat Malaysia. Konteks budaya majmuk yang difokuskan dalam penyelidikan ini merangkumi penerapan nama orang dalam masyarakat majmuk, penerapan jenis makanan, dan penerapan unsur sambutan perayaan. Manakala konteks budaya Islam pula merupakan unsur budaya, adat resam, amalan dan nilai-nilai murni dalam masyarakat Islam di Malaysia.

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, unsur konteks budaya yang telah dikenal pasti terdapat dalam teks pembelajaran wacana Arab adalah seperti paparan pada Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Analisis Keseluruhan Unsur Konteks Budaya

Kategori	Aspek	Bilangan	Peratus
Budaya Malaysia	Masyarakat Majmuk	10	28.6%
	Jenis Makanan	22	62.9%
	Sambutan Perayaan	2	5.7%
	Cerita Warisan	1	2.8%
	Jumlah	35	100%

Merujuk kepada jadual di atas, jumlah keseluruhan unsur konteks budaya Malaysia yang dikenal pasti dalam teks pembelajaran Arab ialah sebanyak 35 unsur. Daripada keseluruhan unsur tersebut, aspek jenis makanan mencatat bilangan yang tertinggi, iaitu sebanyak 22 unsur, mewakili (64.7%), aspek masyarakat majmuk mencatat bilangan sebanyak 10 unsur, iaitu mewakili (28.6%), aspek sambutan perayaan hanya mencatat bilangan sebanyak dua (2) unsur, iaitu mewakili (5.9%), dan aspek cerita warisan sebanyak satu (1) unsur sahaja, iaitu mewakili (2.85).

Konteks Budaya Masyarakat Majmuk

Unsur pengaruh konteks budaya pertama yang difokuskan dalam penyelidikan ini ialah budaya masyarakat majmuk. Masyarakat majmuk yang terdapat dalam masyarakat Malaysia melibatkan tiga kumpulan kaum yang terbesar, iaitu kaum Melayu, Cina, dan India. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan, unsur pengaruh konteks masyarakat majmuk adalah terdiri daripada nama orang yang mewakili watak-watak bagi setiap kaum dalam teks pembelajaran wacana Arab. Dapatan analisis budaya majmuk melibatkan nama orang dinyatakan secara terperinci seperti pada Jadual 2 yang berikut:

Jadual 2: Analisis Konteks Budaya Masyarakat Majmuk

Teks	Unsur Konteks Budaya	Bangsa	Kekerapan	Bilangan
TPA-1	أحمد، عمر، نجوى	Melayu	1	3
	خين	Cina	1	1
	كوماري علي	India	1	1
TPA-3	أمينة، أحمد	Melayu	3	1
	ماي لين	Cina	2	2
	رنجيت	India	2	1
Jumlah				10

Penggunaan pengaruh konteks budaya majmuk dalam masyarakat Malaysia yang diaplikasi dalam pembelajaran wacana Arab dapat dilihat pada petikan teks yang berikut:

Contoh (1), [TPA-1] - Tajuk: هَيَّا تَسْتَعِدُّ لِلْإِمْتِحَانِ
"يَجْلِسُ أَحْمَدُ وَكُومَارِي وَخِينُ فِي مُحْتَبَرِ الْمَدْرَسَةِ. وَهُمْ يَتَنَاقَشُونَ عَنِ الدَّرْسِ"

(BT BAT3, 2010:2)

Contoh (2), [TPA-3] - Tajuk: التَّعَاوُنُ فِي تَنْظِيفِ الْفَصْلِ
"أَقَامَ عَلِيُّ وَأَصْدِقَاؤُهُ مَائِي لَيْنَ وَرَنْجِيَّتَ وَأَمِينَةَ وَأَحْمَدُ بِالتَّعَاوُنِ فِي تَنْظِيفِ الْفَصْلِ وَاعْمَلُوا أَعْمَالَهُمْ بِفُلُوبٍ مَسْرُورَةٍ"

(BT BAT3, 2010:25)

Contoh (3), [TPA-3] - Tajuk: التَّعَاوُنُ فِي تَنْظِيفِ الْفَصْلِ
"يَكْتَسُ أَحْمَدُ وَمَائِي لَيْنُ دَاخِلَ الْفَصْلِ وَخَارِجَهُ. وَأَهْمُ رَنْجِيَّتُ بَنُرَيِّنِ الْفَصْلَ وَتَجْمِيلِهِ وَتَرْتِيبِ الْكُتُبِ وَتَنْظِيمِ السَّنَائِرِ وَأَدَوَاتِ التَّدْرِيسِ. وَحَمَلَتْ عَلِيُّ الزُّهُورَ وَسَقَاهَا بِالمَاءِ. وَكَذَلِكَ أَمِينَةُ حَمَلَتْ الْمَرْبَلَةَ الْمَلِيئَةَ بِالْقَمَامَةِ وَرَمَتْ إِلَى مَكَانِهَا الْخَاصَّ"

(BT BAT3, 2010:25)

Berdasarkan kepada petikan teks contoh (1) di atas, perkataan [أَحْمَدُ] dalam BM "Ahmad" adalah nama orang bagi bangsa Melayu lelaki, perkataan [خِين] dalam BM "Chin" adalah nama orang bagi bangsa Cina lelaki, dan perkataan [كُومَارِي] dalam BM "Kumari" adalah nama orang bagi bangsa India perempuan.

Berdasarkan contoh (2) dan (3) pula, perkataan [أَحْمَدُ] dalam BM "Ahmad" dan perkataan [عَلِي] dalam BM "Ali" adalah nama orang bagi bangsa Melayu lelaki, manakala perkataan [أَمِينَةَ] dalam BM "Aminah" adalah nama orang bagi bangsa Melayu perempuan. Perkataan [مَائِي لَيْن] dalam BM "Mei Lin" adalah nama orang bagi bangsa Cina perempuan, dan perkataan [رَنْجِيَّت] dalam BM "Ranjit" adalah nama orang bagi bangsa India lelaki. Nama-nama watak yang terlibat dalam teks pembelajaran ini adalah mewakili setiap bangsa dalam masyarakat majmuk yang terdiri daripada gender lelaki dan perempuan.

Kesemua nama-nama yang dinyatakan di atas adalah unsur konteks budaya majmuk yang terdapat dalam teks pembelajaran wacana Arab. Nama-nama ini merupakan watak-watak yang mewakili tiga kaum

terbesar dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Penggunaan watak-watak daripada setiap kaum dalam teks pembelajaran menunjukkan unsur budaya majmuk yang diterapkan dalam pembinaan bahan pembelajaran Arab di sekolah. Nama-nama bagi setiap kaum ini melambangkan kewujudan tiga bangsa utama yang terdapat dalam masyarakat majmuk di Malaysia yang digunakan dalam penulisan teks pembelajaran wacana Arab di sekolah.

Kaum Melayu, Cina, dan India merupakan tiga kaum terbesar yang wujud dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia. Penglibatan ketiga-tiga kaum ini sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan seharian masyarakat tempatan Malaysia yang merangkumi aspek sosial, budaya, dan ekonomi. Justeru, kewujudan kaum, Melayu, Cina, dan India merupakan unsur budaya masyarakat majmuk yang mempunyai pengaruh terhadap pembinaan teks dan pembelajaran wacana Arab yang berasaskan kepada konteks budaya tempatan. Penglibatan ketiga-tiga kaum terbesar dalam masyarakat sebagai watak-watak dalam teks pembelajaran merupakan unsur konteks tempatan yang dikaitkan dengan budaya dan situasi persekitaran masyarakat Malaysia. Unsur budaya majmuk ini dapat membantu proses pembelajaran kerana ia dikaitkan dengan budaya tempatan sesebuah masyarakat yang sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Perkara ini dibuktikan melalui soal selidik yang dijalankan oleh Mohd Zuhir (2014:242) terhadap 50 responden yang terdiri daripada guru-guru sekolah. Hasil dapatan menunjukkan (58%) responden menyatakan sangat setuju dan (42%) responden menyatakan setuju bahawa unsur persekitaran dan budaya tempatan dalam teks dapat membantu pelajar memahami isi pembelajaran bahasa Arab.

Konteks Budaya Jenis Makanan

Jenis makanan adalah unsur pengaruh konteks budaya kedua yang difokuskan dalam penyelidikan ini. Jenis makanan yang diwarisi daripada keturunan dan golongan masyarakat terdahulu merupakan adat dan warisan yang mencerminkan budaya sesebuah masyarakat. Jenis makanan yang dibincangkan adalah merangkumi tiga bangsa terbesar di Malaysia, iaitu Melayu, Cina, dan India yang mempunyai budaya dan jenis makanan yang berbeza. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan, unsur pengaruh konteks budaya bagi jenis makanan dalam teks pembelajaran wacana Arab dinyatakan secara terperinci seperti pada Jadual 3 yang berikut:

Jadual 3: Analisis Konteks Budaya Jenis Makanan

Teks	Unsur Konteks Budaya	Bangsa	Kekerapan	Bilangan
TPA-11	كتوبات، رندغ، ساتي	Melayu	1	3
	كويتياو، مي هايلم، وانتن	Cina	1	3
	كاري السمك، والغم، مروكو	India	1	3
	البهارات والتوابيل	Melayu dan India	1	1
TPA-12	ناسي داضغ، ناسي كرابو، سمبال، دودول، السكر البني، فوتري مندي	Melayu	1	6
	المخلات، مسحوق الأرز، جوز الهند	Melayu	2	3
	ناسي أيم	Cina	1	1
	ناسي كندر	India	1	1
	البهارات والتوابيل	Melayu dan India	1	1
Jumlah				22

Penggunaan pengaruh konteks budaya bagi jenis makanan dalam pembelajaran wacana Arab dapat dilihat pada petikan teks yang berikut:

Contoh (4), [TPA-11] - Tajuk: **المأكولات الشعبية**
"المجتمع الملايوي مشهور بكتوبات و رندغ وساتي وغيرها، فنجدها في الحفلات المختلفة"

(BT BAT3, 2010:111)

Berdasarkan kepada contoh (4) di atas, merujuk Kamus Dewan (2005) perkataan [كتوبات] dalam BM "ketupat" (p.779), perkataan [رندغ] dalam BM "rendang" (p.1314), dan perkataan [ساتي] dalam BM "sate" (p.1396), adalah jenis-jenis makanan yang terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu yang mempunyai unsur warisan dan budaya tempatan. Ketiga-tiga jenis makanan ini adalah unsur konteks budaya dalam teks pembelajaran wacana Arab yang merupakan makanan tradisional, warisan budaya yang terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia.

Contoh (5), [TPA-11] - Tajuk: **المأكولات الشعبية**
"وأما المجتمع الصيني معروف بكويتياو ومي هايلم وانتن، وأما الهنود لهم كاري السمك والغم ومروكو"

(BT BAT3, 2010:111)

Berdasarkan kepada contoh (5) di atas, merujuk Kamus Dewan (2005) perkataan [كويٲياو] dalam BM “kuetiau” (p.841) merupakan sejenis makanan berwarna putih yang lembut dalam bentuk berkeping-keping. Perkataan [مي هايلم] dalam BM “mi hailam”, pada dasarnya perkataan ini tidak terdapat dalam Kamus Dewan dan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), walau bagaimanapun ia sudah menjadi penggunaan yang biasa dalam kalangan masyarakat Malaysia. Makanan ini merujuk kepada sejenis makanan yang popular dalam kalangan masyarakat Cina yang dimasak dengan menggunakan bahan daripada sejenis mi. Begitu juga dengan perkataan [وانتن] dalam BM “wantan” merupakan sejenis makanan kaum cina yang dimasak dengan menggunakan bahan daripada sejenis mi. Walaupun perkataan “Mi Wantan” tidak terdapat dalam Kamus Dewan dan PRPM, tetapi ia sudah menjadi kebiasaan dan digunakan dalam kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia. Kesemua perkataan ini adalah merujuk kepada makanan tradisional yang terdapat dalam kalangan masyarakat Cina dan merupakan unsur budaya kaum Cina yang diwarisi daripada masyarakat terdahulu.

Contoh (6), [TPA-11] - Tajuk: المأكولات الشعبية
 "تتميز الأَطعمة الملائيوية والهنديَّة بكثرة البهارات والتوابل في إعدادها.
 وأما الأَطعمة الصينِيَّة فلها طرُق خاصَّة في الطبخ منها المشويَّة
 والبخاريَّة"

(BT BAT3, 2010:111)

Berdasarkan kepada contoh (6) di atas, perkataan [البهارات والتوابل] dalam BM “rempah ratus” merupakan bahan yang digunakan dalam masakan tradisional masyarakat Melayu dan India. Kaedah masakan masyarakat Melayu dan India mempunyai ciri-ciri yang tersendiri, iaitu melalui penggunaan rempah ratus sebagai bahan yang dimasukkan dalam masakan. Penggunaan rempah ratus dalam masakan merupakan warisan dan budaya masyarakat Melayu dan India yang diwarisi daripada generasi terdahulu. Penggunaan rempah ratus dalam masakan Melayu dan India sememangnya sudah terkenal dalam kalangan masyarakat Malaysia pada hari ini.

Manakala perkataan [المشويَّة] dalam BM “panggang” (p.1129), dan perkataan [البخاريَّة] dalam BM “kukus” (p.843), adalah kaedah dan teknik masakan masyarakat Cina di Malaysia. Penggunaan kaedah masakan ini merupakan unsur budaya dan tradisional masyarakat Cina yang diwarisi daripada generasi terdahulu dan sudah menjadi

kebiasaan dalam masyarakat tempatan. Oleh yang demikian, penggunaan rempah ratus dalam kalangan masyarakat Melayu dan India serta teknik masakan secara panggang dan kukus oleh kaum Cina adalah perkara biasa dan tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat tempatan Malaysia. Justeru, penggunaan unsur budaya yang terdiri daripada jenis makanan dan masakan dalam teks pembelajaran wacana Arab mampu memberi kefahaman kepada pelajar.

Contoh (7), [TPA-12] - Tajuk: مَا أَلَذَّ طَعَامَنَا
 "ناسي كرابو يَتَنَوَّغُ بِثَلَاثَةِ أَلْوَانٍ، وَهُوَ أَزْرَقٌ، وَأَصْفَرٌ، وَأَبْيَضٌ يُؤْكَلُ
 مَعَ الْخَضِرَوَاتِ وَسَمْبَالٍ وَالسَّمَكِ وَالْمُخَلَّلَاتِ"
 (BT BAT3, 2010:117)

Berdasarkan kepada contoh (7) di atas, perkataan [ناسي كرابو] dalam BM “nasi kerabu”, perkataan [سمبال] dalam BM “sambal” dan perkataan [المُخَلَّلَاتِ] dalam bahasa Melayu “acar” merupakan jenis makanan Melayu tradisional yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan dan Terengganu. Namun begitu, makanan ini juga sudah menjadi popular dan terkenal bukan sahaja di negeri Kelantan dan Terengganu bahkan ia sudah berkembang di seluruh tanah air.

Contoh (8), [TPA-12] - Tajuk: مَا أَلَذَّ طَعَامَنَا
 "ناسي كندر من الأَطْعَمَةِ الْهِنْدِيَّةِ يَتَمَيَّزُ بِخَلِيطٍ مِنَ الْبَهَارَاتِ وَالتَّوَابِلِ"
 (BT BAT3, 2010:117)

Merujuk kepada contoh (8) di atas, perkataan [ناسي كندر] dalam bahasa Melayu “nasi kandar” adalah sejenis makanan tradisional masyarakat India. Namun, pada hari ini nasi kandar bukan sahaja terkenal dalam kalangan masyarakat India, malah kaum Melayu, Cina, dan bangsa lain juga turut gemar makan hidangan nasi kandar. Manakala perkataan [البَهَارَاتِ وَالتَّوَابِلِ] dalam BM “rempah ratus” merupakan bahan-bahan rempah yang digunakan dalam masakan kaum India. Penggunaan rempah ratus dalam masakan adalah warisan budaya bagi masyarakat India dan merupakan ciri-ciri tersendiri yang ada dalam masakan kaum India. Ciri-ciri masakan kaum India ini sememangnya sudah terkenal dalam kalangan masyarakat Malaysia dan ia bukanlah satu perkara yang asing.

Contoh (9), [TPA-12] - Tajuk: مَا الَّذِطَاعَمَانَا
"دودول يُصْنَعُ مِنَ الدَّقِيقِ وَمَسْحُوقِ الأَرُزِّ وَحَلِيبِ جَوَزِ الهِنْدِ وَالسُّكَّرِ
الْبُنِّيِّ"

(BT BAT3, 2010:117)

Berdasarkan petikan teks dalam contoh (9) di atas pula, perkataan [دودول] dalam BM "dodol" (p.359), adalah sejenis kuih tradisional dalam masyarakat Melayu. Manakala Perkataan [مَسْحُوقِ الأَرُزِّ] dalam BM "tepung beras" (p.1662), perkataan [حَلِيبِ جَوَزِ الهِنْدِ] dalam BM bermakna "santan kelapa" (p.1389), dan perkataan [السُّكَّرِ البُنِّيِّ] dalam BM bermakna "gula merah" (p.487), adalah bahan-bahan yang digunakan dalam menyediakan dodol. Kuih dodol dan bahan-bahan seperti tepung beras, santan kelapa, dan gula merah yang digunakan bagi penyediaannya merupakan bahan asli atau tradisional yang sememangnya terdapat dan digunakana sebagai bahan masakan dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia.

Penggunaan makanan tradisional masyarakat Melayu, Cina, dan India serta kaedah masakan dalam teks pembelajaran Arab mempunyai unsur-unsur pengalaman, pengetahuan serta maklumat sedia ada pelajar kerana dikaitkan dengan situasi dan persekitaran kehidupan pelajar. Dalam kaedah pembelajaran bahasa kedua, maklumat sedia ada dan persekitaran pelajar adalah penting kerana ia dapat membantu pelajar menguasai kemahiran dan kefahaman dalam pembelajaran. Justeru, menurut Ahmad Fikri Husin (1993:15), beliau menjelaskan bahawa antara teknik dan cara menangani persoalan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar ialah dengan cara menarik perhatian terhadap topik-topik yang ada di sekeliling dan sekitar bilik darjah.

Konteks Budaya Sambutan Perayaan

Sambutan perayaan adalah unsur pengaruh konteks budaya ketiga yang difokuskan dalam penyelidikan ini. Perayaan merupakan salah satu daripada unsur yang melambangkan budaya, adat, dan warisan bagi sesebuah masyarakat. Jenis perayaan yang dibincangkan merangkumi tiga kaum, iaitu Melayu, Cina, dan India yang mempunyai budaya dan adat yang berbeza. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan, unsur pengaruh konteks budaya bagi kategori sambutan perayaan dalam teks pembelajaran wacana Arab dinyatakan secara terperinci seperti pada Jadual 4 yang berikut:

Jadual 4: Analisis Konteks Budaya Sambutan Perayaan

Teks	Unsur Konteks Budaya	Bangsa	Kekerapan	Bilangan
TPA-4	عِيدُ الْفِطْرِ	Melayu	1	1
TPA-15	يَوْمُ الْجَيْشِ	Melayu, Cina, India	1	1
Jumlah				2

Penggunaan pengaruh konteks budaya bagi sambutan perayaan dalam pembelajaran wacana Arab dapat dilihat pada petikan teks yang berikut:

Contoh (10), [TPA-4] - Tajuk: الاستعدادُ لعيدِ الفِطْرِ المُبَارَكِ
أَنْظِفُ بَيْنَنَا لِاسْتِقْبَالِ عِيدِ الْفِطْرِ بَعْدَ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ
 (BT BAT3, 2010:31)

Berdasarkan kepada contoh (10) di atas, menurut Kamus Dewan (2005) perkataan [عِيدُ الْفِطْرِ] dalam BM “Aidilfitri” (p.17), adalah sambutan perayaan yang diraikan oleh masyarakat Melayu di Malaysia. Di samping itu, Hari Raya Aidilfitri juga turut diraikan oleh kaum Cina, India, dan kaum lain yang menganut agama Islam. Dalam konteks budaya dan tradisi warisan di Malaysia, hari Raya Aidilfitri sudah sinonim dengan masyarakat Melayu. Sambutan Hari Raya Aidilfitri adalah sambutan perayaan terbesar dalam budaya masyarakat Malaysia dan kaum Melayu adalah golongan terbesar yang menyambut dan merayakan Aidilfitri. Hakikat ini kerana bangsa Melayu adalah kaum bumiputera yang terbesar bilangannya dan merupakan penduduk asal negara Malaysia. Sambutan Hari Raya Aidilfitri adalah salah satu daripada unsur konteks budaya daripada kategori sambutan perayaan yang diterapkan dalam teks pembelajaran wacana Arab di sekolah. Perayaan ini merupakan unsur konteks budaya dan warisan Melayu yang terdapat dalam kalangan masyarakat Malaysia. Justeru, sambutan perayaan ini bukanlah satu perkara asing kepada masyarakat Malaysia terutama kepada para pelajar kerana ia disambut pada setiap tahun dalam suasana yang penuh meriah.

Contoh (11), [TPA-15] - Tajuk: الاحتفال بيومِ الجَيْشِ
“وَهَذَا بِمُنَاسَبَةِ الْإِحْتِفَالِ بِيَوْمِ الْجَيْشِ عَلَى الْمُسْتَوَى الْوَطَنِيِّ”
 (BT BAT3, 2010:152)

Berdasarkan kepada contoh (11) di atas, perkataan [يَوْمُ الْجَيْشِ] dalam BM “Hari Pahlawan” adalah sambutan perayaan yang diraikan oleh

seluruh masyarakat Malaysia samada Melayu, Cina, dan India sempena memperingati sejarah perjuangan perajurit Malaysia yang mempertahankan tanahair daripada ancaman musuh-musuh negara dan memperjuangkan kemerdekaan Malaysia. Oleh itu, sebagai tanda memperingati perjuangan para tentera dan pejuang tanah air, maka negara Malaysia telah mengisytiharkan bahawa sambutan “Hari Pahlawan” di sambut dan diraikan oleh seluruh rakyat Malaysia di peringkat kebangsaan. Sambutan perayaan ini merupakan unsur budaya tempatan yang terdapat dalam kalangan masyarakat Malaysia. Penggunaan unsur ini dalam teks pembelajaran wacana Arab di sekolah adalah sesuai kerana para pelajar sudah biasa dengan peristiwa ini dan mereka juga sentiasa dimaklumkan oleh guru-guru dengan sambutan perayaan ini. Di samping itu, media massa seperti; televisyen, radio, dan akhbar turut mengadakan hebahan berkenaan sambutan perayaan “Hari Pahlawan” di Malaysia.

Konteks budaya merupakan unsur pengaruh konteks tempatan yang dibincangkan dalam kajian ini. Namun begitu, unsur pengaruh budaya tempatan yang terdiri daripada unsur budaya masyarakat majmuk, jenis makanan, dan sambutan perayaan masih kecil jumlahnya diterapkan dalam teks pembelajaran wacana sebagai bahan pembelajaran yang boleh meransang minat dan penguasaan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa Asing, penggunaan unsur pengaruh konteks budaya dalam bahan pembelajaran yang merangkumi konteks budaya perlu diperluaskan. Hal ini demikian kerana, situasi dan keadaan persekitaran yang dikaitkan dengan maklumat sedia ada serta pengalaman pelajar dapat mewujudkan proses pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan mampu meningkatkan penguasaan bahasa pelajar. Kenyataan ini diperkukuhkan dengan pandangan ‘Arif Karhkiy (1996:34) yang menjelaskan bahawa suasana atau persekitaran bahasa yang sesuai dan hampir sama dengan suasana orang Arab mempelajari bahasa ibunda mereka mampu menjadikan pelajar sebagai pusat oreantasi pembelajaran bahasa.

Justeru, menurut Mat Taib Pa (2006:10), menjelaskan bahawa pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar merupakan salah satu cara yang mampu menjadikan pembelajaran bahasa Arab itu menarik. Dalam proses ini, para pelajar lebih banyak berfungsi dan memainkan peranan dalam pembelajaran, manakala guru hanya berfungsi sebagai pemudah cara.

Konteks Budaya Cerita Warisan

Cerita warisan dalam masyarakat adalah unsur pengaruh konteks budaya keempat yang difokuskan dalam penyelidikan ini. Cerita warisan merupakan salah satu daripada unsur yang melambangkan budaya, adat, tradisi dan warisan yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan, unsur pengaruh konteks budaya bagi kategori cerita warisan dalam teks pembelajaran wacana Arab dinyatakan secara terperinci seperti pada Jadual 5 yang berikut:

Jadual 5: Analisis Konteks Budaya Cerita Warisan

Teks	Unsur Konteks Budaya	Bangsa	Kekerapan	Bilangan
TPA-14	غُرَابٌ	Melayu	1	1
Jumlah				1

Manakala unsur konteks budaya yang melibatkan cerita warisan masyarakat Melayu di Malaysia telah dikenal pasti terdapat dalam pembelajaran wacana Arab adalah seperti contoh petikan teks di bawah:

Contoh (12), [TPA-14] - Tajuk: **الغُرَابُ وَالْجَرَّةُ**
 "ذَاتَ يَوْمٍ، كَانَ هُنَاكَ غُرَابٌ يَطِيرُ فِي الْهَوَاءِ. لَقَدْ تَجَوَّلَ كَثِيرًا فِي أَمَاكِنَ
 تَحْتَ حَرَارَةِ الشَّمْسِ، وَوَصَلَ إِلَى الصَّخْرَاءِ الَّتِي لَيْسَ فِيهَا مَاءٌ وَأَكَلَهُ"
 (BT BAT3, 2010:139)

Merujuk kepada contoh (12) di atas, perkataan bergaris adalah unsur konteks budaya dari aspek cerita warisan Melayu yang merujuk kepada burung Gagak. Dalam konteks budaya masyarakat Melayu, cerita tentang seekor burung Gagak yang bijak ini sememangnya sudah masyhur dalam kalangan masyarakat Malaysia dan para pelajar juga sudah biasa mendengar dan membaca kisah ini dalam bahasa Melayu. Justeru, cerita warisan budaya Melayu yang diaplikasikan dalam teks Arab sebagai bahan pembelajaran mampu memberi maklumat dan kefahaman kepada pelajar, serta merangsang minat pelajar jika diaplikasikan dalam pembelajaran wacana Arab.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian dan pandangan para sarjana Arab dapatlah dirumuskan bahawa unsur konteks budaya mempunyai peranan yang penting terutama dalam pembelajaran wacana Arab.

Penggunaan unsur budaya tempatan dalam pembelajaran dapat membantu pelajar menguasai aspek makna dan kefahaman sesuatu teks atau ungkapan berdasarkan konteks situasi yang sebenar. Di samping itu, penggunaan budaya tempatan dalam pembelajaran dapat membantu pelajar memahami dan membina ayat-ayat mudah serta membantu guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini demikian kerana unsur budaya tempatan dapat membantu pelajar untuk memahami sesuatu bahasa dan penggunaannya secara praktikal yang dikaitkan dengan fitrah alam dalam situasi sebenar khususnya dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

PENUTUP

Pengaplikasian unsur konteks budaya tempatan dalam teks pembelajaran ini dapat membantu pelajar menguasai pembelajaran bahasa Arab dari aspek isi kandungan pelajaran, makna konteks ayat, dan kefahaman kosa kata kerana para pelajar sudah mempunyai maklumat sedia ada yang diperoleh melalui pengalaman, pengetahuan, pembacaan, dan komunikasi seharian dalam masyarakat dan situasi persekitaran. Justeru, melalui pendekatan ini masalah pembelajaran bahasa Arab yang dihadapi oleh pelajar peringkat permulaan dapat di atasi, malah dari segi psikologi para pelajar merasakan bahawa mempelajari bahasa Arab itu sebenarnya mudah melalui pengalaman yang sedia ada. Hakikat ini merupakan satu tarikan kepada pelajar yang berminat mempelajari bahasa Arab tetapi merasakan bahawa bahasa Arab mempunyai tahap kesukaran yang tinggi. Walau bagaimanapun, sayugia dinyatakan bahawa pendekatan pembelajaran ini perlu mematuhi teknik dan kaedah pengajaran bahasa kedua atau bahasa asing yang telah digariskan oleh pakar-pakar dalam bidang pembelajaran dan pengajaran bahasa tanpa mengabaikan aspek disiplin, tatabahasa, laras bahasa, dan struktur ayat yang merupakan dasar dan teras utama sesuatu bahasa.

RUJUKAN

- Ahmad Fikri bin Hj. Husin. (1993). Al-Ta'bir Shafawi wa Ahamiyatuhu Lidarisiy al-Lughati Al-'Arabiyyah. *Majalah Pengajian Arab*, Bil. 3, hlm. 82-89. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Naqah, Mahmud Kamil. (1985). Khittah Muqtarahah li Ta'lif kitab Asasi li Ta'lim al-lughah al-'Arabiyyah li al-Natiqina bighayriha. *Waqai' Nadawat Taa'lim al-Lughah al-'Arabiyyah li Ghairi al-Natiqin biha*. 2: 237-281. Riyadh: Maktabah al-Tarbiyah al-Arabiyyah li Dual al-Khalij.

- ‘Arif Karkhi Abu Khudairi. (1996). Tariqatu T‘alim al-Lughat al-‘Arabiyyat lil Malayuwiyyin. *Majalah Pengajian Arab*, Bil. 5, Tahun 6. Bahagian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar (1991). *Bahasa Melayu Abad Ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu ‘Aqa’id Al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1993). *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2005). *Alam dan Penyebaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gee, J.P. (1999). *An Introduction to Discourse Analysis.*, London: Routledge.
- Halliday, M.A.K. (1978). *Language as Social Semiotic: The Social Interpretation of Language and Meaning*. Eighth Impression 1993. New York: Routledge, Chapman, and Hall, Inc.
- Irma Martini Mad Yasin dan rakan (2010). *Al-Lughah al-‘Arabiyyah li al-Sanah al-Thalithah*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Mat Taib Pa. (2006). Dasar-dasar Umum Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia. *Majalah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Dlm. Mohd Rosdi Ismail dan Mat Taib Pa [ed], hlm. 1-14. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Md. Nor Hj. Ab. Ghani *et al.* (2005). Kamus Dewan, Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Rushdan Azizan. (2012). *Manifestasi Perjuangan Dalam Pidato Yasser Arafat Dari Sudut Analisis Wacana Kritis*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Zuhir Abd Rahman. (2014). *Pengaruh Konteks Tempatan dalam Teks Pembelajaran Arab*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Pabiyah Hajimaming dan Kamariah Kamaruddin. (2010). Pengaruh Bahasa Arab dalam Pembudayaan Melayu dalam Novel Zaid Akhtar. *Pengajaran Bahasa Asing di Malaysia*. Hlm. 75-95. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Raja Mukhtaruddin Bin Raja Mohd Dain (1982). *Pembinaan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tamam Hasan. (1986b). *Al-Lughat al-‘Arabiyyat Ma’naha wa Mabnaha Casablanca: Dar al-Thaqafah li al-Nasyr wa al-Tawzi’*.
- Wan Muhammad Wan Sulong dan Ab. Halim Mohamad. (2005). *Cerita Melayu Tradisi dalam Pendidikan Bahasa Arab*. Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan Inovasi (pp. 67-82). Bangi: Minda Intiyaz Publications.
- Zainur Rijal Abdul Razak dan Rosni Samah. (2007). *Kesan Bahasa Arab dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Nilai, Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia.

Zulhilmi Paidi dan Rohani Ab. Ghani (2003). *Kenegaraan Malaysia: Isu-isu Dalam Pembinaan Negara*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Dr. Mohd Zuhir Bin Abd Rahman (Pensyarah)
Jabatan Pengajian Am
Politeknik Nilai
Kompleks Pendidikan Bandar Enstek
71760 Negeri Sembilan
E-mail: mdzuhir70@gmail.com

Mohd Azidan Bin Abdul Jabar (Prof. Madya Dr)
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor
E-mail: azid@upm.edu.my